

PU SUBANG MENERIMA KUNJUNGAN DARI MAKTAB POLIS DIRAJA MALAYSIA

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4222-pu-subang-menerima-kunjungan-dari-maktab-polis-diraja-malaysia

SUBANG, 5 Dis 18 - Pangkalan Udara Subang telah menerima kunjungan daripada 42 peserta Kursus Diploma Eksekutif Sains Siasatan (DESS) Siri 2017/2019 Maktab Polis Diraja Malaysia, Cheras yang diketuai oleh Ketua Delegasi iaitu Supt Hj Pozlan bin Hj Ibrahim.

Dalam rangka lawatan tersebut, pihak delegasi telah dibawa melawat serta sesi taklimat di No 22 Skuadron, No 2 Skuadron dan Pusat Penyelidikan serta Latihan Simulator G (PULLS-G). Di akhir lawatan, semua delegasi dibawa menikmati jamuan tengah hari di Wisma Perwira PU Subang.

Pegawai Laksana Pangkalan, Kol Mohd Azwan bin Mohd Pohari TUDM mewakili Komander Pangkalan serta Ketua Cawang Tadbir, Lt Kol Amrul bin Yacob TUDM telah mengiringi delegasi sepanjang lawatan berlangsung.



